



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 03/2025



MUHASABAH DI AKHIR RAMADHAN

28 MAC 2025M | 27 RAMADAN 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي فَضَّلَ أَوْقَاتَ رَمَضَانَ عَلَى غَيْرِهِ مِنَ الْأَزْمَانِ، وَضَاعَفَ فِيهِ الْأُجُورَ وَالْإِنْعَامَ،
وَوَفَّقَ لِإِعْتِنَائِهِ أَهْلَ الطَّاعَةِ وَالْإِيمَانِ .
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ
خَيْرُ مَنْ صَلَّى وَصَامَ وَقَامَ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

يَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dimulihkan

Hampir sebulan kita telah sama-sama melalui madrasah Ramadan. Kita seronok berada di bulan Ramadan dengan pelbagai aktiviti seperti berbuka puasa secara beramai-ramai, solat berjemaah, bertarawih, bertadarus al-Quran, beriktikaf, menyumbang makanan dan lain-lain aktiviti kebajikan sama ada bersama keluarga, rakan-rakan atau jiran tetangga yang diadakan di masjid atau surau.

Antara matlamat utama yang ingin dicapai oleh madrasah Ramadan ialah melahirkan seorang hamba yang bertaqwa sebagaimana firman Allah Subhanahu Wa-Taala dalam surah al-Baqarah ayat 183:



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَتَّقُونَ

Yang bermaksud: *“Wahai orang yang beriman! Diwajibkan kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.”*

Muslimin yang di rahmati Allah Subhanahu Wa-Taala

Ramadan merupakan bulan tarbiah yang mendidik setiap individu muslim agar kembali mengabdikan diri kepada Allah Taala. Ibadah puasa bukan sekadar menahan diri daripada lapar dan dahaga, bahkan ia juga berperanan mendidik seluruh pancaindera daripada melakukan segala perkara yang diharamkan. Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam sering memilih berpuasa untuk tujuan beribadah kepada Allah Taala dan melatih umatnya mengawal keinginan nafsu. Kerosakan dan kebinasaan kepada kehidupan manusia banyak didorong oleh keinginan hawa nafsu yang tidak terkawal. Hal ini telah diterangkan oleh Allah Subhanahu Wa-Taala dalam surah Yusuf ayat 53 yang bermaksud: *“Dan tiadalah Aku membersihkan diriku. Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanku (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”*.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ‘Azza wajalla

Madrasah Ramadan juga mentarbiah kita supaya menunaikan solat secara berjemaah melalui galakan menunaikan solat tarawih sebagaimana dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi

مَنْ قَامَ مَعَ الْإِمَامِ حَتَّى يَنْصَرِفَ كُتِبَ لَهُ قِيَامُ لَيْلَةٍ

Yang bermaksud: “Sesiapa yang solat (tarawih) bersama imam sehingga dia (imam) selesai, dituliskan baginya ganjaran seumpama solat sepanjang malam”.

Berbahagialah mereka yang berjaya menunaikan solat tarawih secara berjemaah sepanjang bulan Ramadan. Semoga mereka juga beristiqamah menunaikan solat fardu lima waktu secara berjemaah selepas Ramadan.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Bulan Ramadan juga adalah bulan diturunkan al-Quran. Lazimnya tadarrus al-Quran hanya dilakukan di bulan Ramadan sahaja namun sebaliknya ia menjadi sunyi sepi tanpa kedengaran pada bulan-bulan yang lain. Bagaimanakah al-Quran dapat dijadikan panduan dan jalan penyelesaian masalah yang dihadapi jika ia hanya diulang baca dan ditadaruskan ayat-ayatnya setahun sekali sahaja. Perlu disedari bahawa al-Quran bukan sekadar dituntut pada bacaan sahaja, ianya perlu difahami, dihayati, diamali, ditekuni dan disebar luaskan ilmunya untuk mendapat keberkatan di dunia dan syafaatnya di akhirat kelak.

Sidang Jumaat yang dikasihi

Sifat pemurah Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam yang suka memberi pada bulan Ramadan perlu dijadikan ikutan oleh umat baginda. Pada bulan Ramadan kita melihat ada yang berlumba-lumba menyantuni fakir, miskin dan anak-anak yatim.



Demikian juga, telah bersemarak amalan bersedekah yang dianjurkan oleh individu, masjid dan surau, agensi kerajaan, badan korporat mahupun badan bukan kerajaan. Beruntunglah kaum muslimin yang terlibat dengan aktiviti tersebut. Mudah-mudahan amalan sebegini tidak hanya berlaku pada bulan Ramadan sahaja malah sepatutnya diamalkan sepanjang masa dengan penuh keikhlasan. Firman Allah Subhanahu Wa-Taala dalam surah al-Insan ayat 8 hingga 9 yang bermaksud: *“Mereka juga memberi makanan yang disukai kepada orang miskin, anak yatim dan orang yang ditawan, (sambil berkata dengan lidah atau dengan hati): "Sesungguhnya Kami memberikan makanan kepada kamu hanya kerana mengharapkan keredaan Allah, Kami tidak mengharap sebarang balasan dan ucapan terima kasih daripada kamu”*.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Ta’ala

Menjelang Aidilfitri yang bakal tiba, mimbar mengambil kesempatan untuk berpesan kepada mereka yang pulang ke kampung halaman masing-masing agar berhemah ketika memandu, sentiasa bertimbang rasa, bertolak ansur, mulakanlah perjalanan dengan berdoa kepada Allah Taala dengan memohon perlindungan-Nya.

Pada hari raya nanti, umat Islam disunatkan menjamah makanan dahulu sebelum hadir ke masjid untuk menunaikan solat sunat Aidilfitri. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud: *“Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam tidak keluar pada pagi hari Aidilfitri, sehinggalah Baginda makan terlebih dahulu beberapa biji tamar... dan Baginda memakannya dalam jumlah yang ganjil.”*

Demikian juga, janganlah kita lupa kewajipan untuk membayar zakat fitrah sebelum menunaikan solat sunat Aidilfitri sekiranya belum ditunaikan.

Sidang Jumaat Yang Dikasihi Allah Ta'ala

Kesimpulan khutbah pada hari ini ialah, beruntunglah mereka yang telah mengambil kesempatan beribadah pada bulan Ramadan yang mulia ini seperti bertadarrus al-Quran, solat tarawih, qiyamullail, bersedekah dan lain-lain. Teruskanlah melaksanakan amalan-amalan ketaatan walaupun selepas bulan Ramadan. Bagi mereka yang belum menunaikan zakat fitrah, tunaikanlah sebelum solat sunat Hari Raya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.